

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YBP 303 - Perancangan dan Pelaksanaan  
Kempen Komunikasi

Masa: [3 jam]

---

Jawab SEMUA soalan.

Bahagian A:

1. Berdasarkan maklumat asas yang dikepulkan, rangka dan sediakan satu laporan pelan strategik untuk projek pengembangan. Laporan anda mestilah disediakan berpandukan kepada tajuk-tajuk berikut:

- a. Masalah
- b. Matlamat
- c. Strategi/pendekatan
- d. Analisa Golongan Dasar
- e. Pemilihan Media
- f. Mesej utama untuk setiap media
- g. Kaedah penilaian

Pastikan anda memberi sebab-menyebab untuk menerang setiap cadangan strategi, pemilihan media dan mesej anda.

(70 markah)

Bahagian B:

2. Sediakan laporan untuk melaksanakan pra-ujian bagi dua jenis media, iaitu komik dan logo kempen. Laporan anda mesti mengandungi:

- a. tujuan
- b. kaedah
- c. soalselidik

(20 markah)

Bahagian C:

1. Terangkan kebaikan dan kelemahan kaedah eksperimental jika berbanding dengan kaedah survei.
2. Terangkan tujuan dan proses perancangan pengurusan.

(10 markah)

-oooooooo-

(LAMPIRAN)

Maklumat tentang pengetahuan, sikap dan amalan petani terhadap tanaman buah-buahan

Pengenalan

Jabatan Pertanian telah mengenalpasti daerah Sayang yang berpotensi sebagai pengeluar buah-buahan seperti durian, rambutan dan cempedak.

Jabatan Pertanian telah mengesyorkan bahawa langkah-langkah seperti pembajaan dan pencantasan untuk menentukan hasil yang tinggi. Pembajaan disyorkan dua kali setahun, dengan menggunakan NPK Biru ataupun baja organan. Peladang juga disyorkan merumput kawasan keliling pokok dan memagar pokok sejak kecil.

Justeru itu, satu tinjauan KAP telah dijalankan. Ekoran dari maklumat yang dikutip, satu strategi pengembangan akan dirancang dan dilaksanakan ke atas pencapaian matlamat tersebut. Data tinjauan KAP adalah seperti berikut.

I. DEMOGRAFIK

1. Jantina:	Lelaki	93%
	Perempuan	7%
2. Umur:	31 - 40 tahun	14%
	41 - 50 tahun	36%
	Lebih 50 tahun	50%
3. Taraf pelajaran:	Darjah 1 - 6	86%
	Tingkatan 1 - 6	14%
4. Taraf perkahwinan:	Berkahwin	100%
5. Bilangan tanggungan keluarga:		
	0 - 5 orang	79%
	6 - 10 orang	21%

**II. EKONOMI**

1. Pekerjaan Utama (Jawapan lebih daripada 1).

Makan gaji	29%
Berniaga	14%
Pekebun sayur	7%
Penoreh	57%

2. Kerja sampingan (jawapan lebih dari satu).

Bertani	64%
Penoreh	7%
Ketua kampung	14%
Tiada	21%

3. Hak milik tanah.

Tanah sendiri	100%
---------------	------

4. Luas tanah yang diusahakan.

Kurang dari 2 ekar	21%
2 - 4 ekar	50%
Lebih dari 4 ekar	29%

5. Luas dusun yang diusahakan.

Kurang dari 1 ekar	14%
1 - 2 ekar	43%
Lebih dari 4 ekar	43%

6. Anggaran pendapatan sebulan.

Kurang \$200.00	7%
\$200 - \$300	43%
\$301 - \$400	29%
Lebih \$400	21%

**III. SOSIAL**

1. Keahlian dalam persatuan.

Menjadi ahli	43%
Tidak menjadi ahli	57%

2. Nama persatuan dan jawatan yang dipegang.

<u>Persatuan</u>	<u>Keahlian</u>
Pertubuhan Peladang	66%
Rela	17%
PPPK Risda	17%

IV. LATARBELAKANG DUSUN

1. Jenis buah-buahan yang ditanam.

<u>Jenis</u>	<u>%</u>
Durian	100
Rambutan	100
Cempedak	100
Mempelam	45

2. Umur tanaman

<u>Umur</u>	<u>%</u>
3 -5 tahun	28
	72
	100
	=====

3. Ada membela ternakan

<u>Jenis</u>	<u>%</u>
Lembu	25
Kambing	35
Ayam	90
Itik	20

V. PENGETAHUAN

1. Pengetahuan mengenai baja yang sesuai untuk pokok buah-buahan (Organan/NPK biru).

Tahu	79%
Tak tahu	21%

...4/-

2. Pengetahuan mengenai kekerapan pembajaan dalam setahun  
(2 kali/setahun)

Tahu 43%  
Tak tahu 57%

3. Pengetahuan mengenai banyak baja yang digunakan untuk  
sepokok bagi sekali membaja (2 tin susu)

Tahu 21%  
Tak tahu 79%

4. Pengetahuan mengenai cantasan membentuk pokok

Tahu 43%  
Tak tahu 57%

5. Pengetahaun masa cantasan dilakukan

Tahu 7%  
Tak tahu 93%

6. Pengetahuan mengenai musuh dan penyakit mangga (pengorek  
batang dan pengerat daun)

Tahu 86%  
Tak tahu 14%

7. Pengetahuan mengenai musuh dan penyakit rambutan (ulat  
makan daun)

Tahu 80%  
Tak tahu 20%

8. Pengetahuan mengenai musuh dan penyakit durian (pengorek  
buah)

Tahu 93%  
Tak tahu 7%

9. Pengetahuan mengenai musuh dan penyakit cempedak (ular  
pengorek batang)

Tahu 93%  
Tak tahu 7%

VI. SIKAP

1. Benih buah-buahan yang dibekalkan oleh Jabatan Pertanian adalah bermutu tinggi

*Setuju	93%
Tak pasti	7%
Tak setuju	0%

2. Pagar keliling kawasan lebih baik dari pagar sepokok-sepokok

*Setuju	51%
Tak pasti	29%
Tak setuju	20%

Kenapa tidak setuju:

- (i) Perlu tempat ragut bagi ternakan
- (ii) Senang nak bekerja
- (iii) Memelihara hati jiran yang ada bela lembu

3. Membaja adalah satu perkara yang kurang penting di dusun

Setuju	47%
Tak pasti	0%
*Tak setuju	53%

Kenapa setuju:

- (i) Pokok besar boleh hidup tanpa baja
- (ii) Baja membiakkan penyakit
- (iii) Buah yang dibaja tidak sedap

4. Baja organan lebih baik dari baja kimia

*Setuju	50%
Tak pasti	29%
Tak setuju	21%

5. Buah-buah cempedak tidak perlu dibalut

Setuju	0%
Tak pasti	29%
*Tak setuju	71%

6. Pokok-pokok yang banyak ranting tidak perlu dicantas

Setuju	7%
Tak pasti	29%
*Tak setuju	64%

Kenapa setuju:

- (i) Rugi dahan yang elok
- (ii) Membuang masa

7. Kawalan rumpai di dalam dusun buah-buahan tidak perlu dilakukan

Setuju	29%
Tak pasti	21%
*Tak setuju	50%

Kenapa setuju:

Merumput merosakkan akar pokok

8. Putik mempelam dan cempedak yang banyak pada satu tangkai perlu dikurangkan

*Setuju	64%
Tak pasti	29%
Tak setuju	7%

9. Musuh/penyakit hanya dapat dikawal dengan menggunakan racun kimia sahaja

*Setuju	89%
Tak pasti	3%
Tak setuju	8%

10. Membalut buah cempedak/mempelam adalah kerja yang remeh

Setuju	83%
Tak pasti	6%
*Tak setuju	11%

\* Jawapan yang betul

...7/-

VII. AMALAN

1. Adakah anda membaja pokok buah-buahan ada tahun lalu?

Ya	23%
Tidak	77%

Kenapa tidak:

Tidak ada modal

2. Adakah anda memagar pokok semasa pokok masih kecil?

Ya	43%
Tidak	57%

Kenapa tidak:

Tidak ada pagar

3. Adakah anda membersihkan kawasan keliling pokok sebelum membaja

Ya	86%
Tidak	14%

Kenapa tidak:

Tidak ada masa

4. Adakah anda membuat cantasan?

Ya	37%
Tidak	63%

Kenapa tidak:

Tak ada masa  
Tak tahu cara

5. Adakah anda membuat kawalan musuh dan penyakit?

Ya	27%
Tidak	73%

Kenapa tidak:

- Biasanya tak berkesan
- Tidak ada alat-alat semburan

...8/-

6. (a) Pernahkah anda memasarkan hasil buah-buahan?

Ya 100%

(b) Jika ya, bagaimanakah caranya anda memasarkannya?

Borong	57%
Sendiri	43%

VIII. KOMUNIKASI

1. Sumber mendapat penerangan mengenai tanaman buah-buahan

Juruteknik Pertanian	86%
Ketua Kampung	7%
Ketua Kumpulan Tani	7%

2. Jenis tulisan yang boleh dibaca

Jawi	93%
Rumi	100%

3. Jenis akhbar yang dibaca

Utusan Malaysia	71%
Utusan Malaya	50%
Berita Harian	21%

4. Masa yang sesuai untuk mengadakan perjumpaan

Pagi	7%
Petang	93%

5. Adakah anda mengenali Juruteknik Pertanian yang bertugas di kawasan anda?

Ya 100%

6. Adakah anda mempunyai radio?

Ya	100%
Tidak	0%

Waktu bila anda suka dengar radio

- Pagi 93%
- Tengahari 60%
- Petang 30%
- Malam 90%

7. Di mana tempat yang anda dapat berhimpun dan berbual-bual dengan kawan-kawan anda?

- Di kedai kopi 62%
- Di surau 80%
- Di rumah kawan 15%
- Di dewan-dewan orang ramai 5%
- Tidak suka berbual kosong 5%

8. Kenderaan untuk ke bandar

- Basikal 10%
- Motosikal 90%
- Motokar 0%
- Bas 25%

-ooooooo-